



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 1978

DR.23/1978

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan
Johor Tenggara 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan
Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen,
dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan
Johor Tenggara (Pindaan) 1978 dan, kecuali seksyen 2 (1)
(b), hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa
pada 1hb Jun 1978. Nama dan
mula
berkuat-
kuasa.
2. (1) Seksyen 2 Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
1972, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah
dipinda dengan— Pindaan
bagi
seksyen 2.
Akta 75.
 - (a) memasukkan selepas sahaja takrif "syarikat" takrif
yang berikut :
"Timbalan Pengerusi" ertinya Timbalan Pe-
ngerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen
5; dan
 - (b) memotong takrif "Menteri".
- (2) Seksyen-kecil (1) (b) hendaklah disifatkan sebagai
telah mula berkuatkuasa pada 5hb Mac 1976.
3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan— Pindaan
bagi
seksyen 5.
 - (a) memasukkan selepas sahaja perenggan (a) seksyen-
kecil (1), perenggan baharu (b) yang berikut :
"(b) seorang Timbalan Pengerusi;";

- (b) menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga” dalam perenggan (b) seksyen-kecil (1) yang sedia ada; dan
- (c) menomborkan semula perenggan-perenggan (b) dan (c) seksyen-kecil (1) yang sedia ada masing-masing sebagai (c) dan (d).

Pindaan
bagi
seksyen 12.

4. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Menteri boleh mengarahkan mana-mana ahli Lembaga untuk” dalam seksyen-kecil (5) dengan perkataan-perkataan “Timbalan Pengerusi hendaklah”.

Pindaan
bagi
Jadual
Pertama.

5. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan-kecil (3) perenggan 4 dengan yang berikut:

“(3) Dalam semua mesyuarat Lembaga, Pengerusi atau, jika ia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau, jika kedua-duanya tidak hadir, seorang ahli yang dipilih oleh ahli-ahli yang hadir, hendaklah mempengerusikan mesyuarat.”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 untuk memotong takrif “Menteri” dalam seksyen 2, untuk mengadakan peruntukan bagi perlantikan dan tugas-tugas Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, dan untuk menambah bilangan wakil Kerajaan Persekutuan dalam Lembaga dari dua kepada tiga.

2. Berikutan dengan penyusunan semula Jumah Menteri yang berlaku pada 5 haribulan Mac 1976, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara telah diletakkan, melalui Perintah Menteri Kerajaan Persekutuan yang dibuat di bawah seksyen 2 Akta Tugas-tugas Menteri 1969, di bawah portfolio Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, tetapi menurut takrif “Menteri” dalam seksyen 2 Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972, Perdana Menteri masih menjadi menteri yang bertanggungjawab bagi Lembaga. Untuk menghapuskan anomali inilah maka takrif “Menteri” dipotong. Dengan potongan itu sebutan mengenai “Menteri” dalam Akta itu menjadilah, menurut seksyen 8 (2) Akta Tafsiran 1967, sebutan mengenai Menteri yang mana, sebagaimana ditentukan di bawah Akta Tugas-tugas Menteri 1969, adalah Menteri yang bertanggungjawab bagi Lembaga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 895.]